

## PENDERAAN EMOSI OLEH ISTERI: FAKTOR-FAKTOR SUAMI BERTAHAN

### *EMOTIONAL ABUSE BY WIFE: FACTORS OF HUSBAND ENDURING*

<sup>i</sup>\*Noor Salsabila Md Zin,& <sup>i</sup>Zul-kifli Hussin

<sup>i</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS),

\*(Corresponding Author): [noorsalsabila58@gmail.com](mailto:noorsalsabila58@gmail.com)

### ABSTRAK

Perkahwinan merupakan penyatuan dua individu yang berbeza dari segi jantina, latar belakang, pendidikan dan pengalaman hidup. Keadaan ini mendorong kepada perbezaan pandangan jika tidak dikendalikan dengan baik. Salah satu cabaran yang tidak disedari adalah penderaan emosi terhadap suami berikutan wujudnya persepsi bahawa lelaki tidak mudah terkesan secara emosi. Hakikatnya, ramai suami menjadi mangsa penderaan emosi namun memilih untuk terus bertahan dalam perkahwinan. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong suami untuk bertahan dalam perkahwinan meskipun berhadapan dengan penderaan emosi. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual berstruktur ke atas 10 orang informan dan data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor utama yang mendorong suami untuk bertahan adalah tanggungjawab terhadap anak, kefahaman agama, berpemikiran jauh serta kasih sayang yang masih wujud. Kajian lanjutan disarankan bagi meneroka perspektif isteri terhadap isu ini, sekali gus memperluas wacana kekeluargaan selaras dengan perubahan sosial dan budaya semasa.

**Kata Kunci:** *Kasih-sayang, naratif, penderaan emosi, psikologi, resilience*

## Pendahuluan

Perkahwinan merupakan ikatan sah yang dibina melalui ijab dan kabul. Menurut Mohammad Amir Wan Harun et al. (2024), pernikahan juga bertujuan untuk mewujudkan kasih sayang antara suami dan isteri (alRum 30:21). Menurut Muhammad Mushfique Ahmad Ayoub @ Ayub (2018), Allah telah menciptakan makhluk-Nya secara semula jadi untuk hidup berpasang-pasangan. Dari sudut lain, perkahwinan juga berfungsi untuk menghalalkan keperluan seksual manusia yang hanya boleh dilaksanakan secara sah melalui ikatan perkahwinan. Perkahwinan juga menuntut kepada persefahaman dan tolak ansur antara pasangan kerana setiap perkahwinan tidak terlepas daripada konflik sama ada kecil mahupun besar (Zanariah Dimon, 2019). Namun, jika tidak dibendung dengan baik, konflik ini boleh berlarutan dan memberi tekanan yang mendalam kepada emosi kedua-dua pihak. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keharmonian hubungan dalam berumah tangga, akan tetapi boleh mempengaruhi kesejahteraan mental dan fizikal individu yang terlibat. Secara tradisinya, lelaki lebih dikaitkan dengan ciri-ciri seperti kekuatan fizikal dan ketahanan diri. Ciri-ciri ini menjadikan mereka cenderung untuk memendam emosi dan kurang menzahirkan perasaan secara terbuka. Sebaliknya, wanita pula kebiasaannya memiliki sifat lebih lembut dan peka yang mendorong mereka untuk lebih terbuka dalam mengekspresikan perasaan Jessica J. Flynn et al., 2010; Siti Rashidah Yusoff et al. (2024). Dalam konteks agama, al-Quran menjelaskan secara umum bahawa manusia diciptakan dalam keadaan serba lemah, merangkumi aspek fizikal dan psikologi tanpa pengkhususan kepada mana-mana jantina. Hal ini sebagaimana firman Allah dalam Surah an-Nisa' ayat 28

*“Dan manusia diciptakan dalam keadaan lemah.”*

Al-Quran turut mengiktiraf bahawa kelemahan emosi, tekanan jiwa dan kesedihan merupakan sebahagian daripada fitrah manusia secara keseluruhan. Kisah para nabi dan rasul juga memperlihatkan bahawa golongan lelaki tidak terkecuali daripada mengalami keletihan mental dan tekanan emosi. Keadaan ini sekali gus menolak anggapan bahawa lelaki sentiasa memiliki kekuatan emosi yang berterusan.

Menurut Suriyakhatus (2019), penderaan emosi merujuk kepada bentuk penderaan yang melibatkan aspek emosi dan mental individu. Mangsa kebiasaannya terdedah kepada tingkah laku yang boleh mencetuskan trauma psikologi seperti gangguan kebimbangan (*anxiety disorder*), kemurungan (*depression*), atau gangguan tekanan *pascatrauma* (*posttraumatic stress disorder*, *PTSD*), termasuk serangan panik. *Anxiety disorder* merujuk kepada keadaan emosi yang muncul akibat tekanan batin, ditandai dengan rasa khawatir dan takut akan kemungkinan terjadinya hal-hal buruk (Lidia Oktamarina et al., 2022), manakala *depression* pula bermaksud keadaan di mana seseorang berasa sangat sedih berpanjangan dan sukar untuk menjalani kehidupan harian dengan normal. Dalam konteks hubungan yang sihat, tingkah laku sedemikian adalah tidak wajar dan tidak seharusnya berlaku.

Berdasarkan statistik pada tahun 2023 pihak polis telah menerima laporan kes keganasan rumah tangga sebanyak 5507 kes. Hal ini menunjukkan penurunan kes daripada tahun 2022 iaitu 6540. Walau bagaimanapun, masih banyak kes penderaan emosi kurang dilaporkan kerana kes ini dianggap sebagai isu peribadi dalam kekeluargaan. Menurut Muhammad Aminnuraliff Mohd Zoki (2023) ramai lelaki menjadi mangsa penderaan emosi yang berpunca daripada sikap isteri yang suka merendah-rendahkan suami, terutamanya apabila suami tidak mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding isteri. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan maruah dan harga diri lelaki sebagai ketua keluarga malah turut menimbulkan tekanan emosi yang berpanjangan dalam dirinya.

Ketahanan atau *resilience* ini tentunya didorong oleh faktor-faktor suami yang menarik untuk dikaji. *Resilience* merujuk kepada keupayaan seseorang untuk bangkit semula selepas mengalami penderaan emosi sekaligus membolehkan mereka menyesuaikan diri menghadapi tekanan atau situasi sukar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong keputusan suami untuk mempertahankan perkahwinan walaupun berhadapan dengan penderaan emosi.

## Sorotan Literatur

Sorotan literatur merupakan satu pendekatan sistematik dalam menilai sumber-sumber sekunder sedia ada dengan tujuan mengenal pasti jurang pengetahuan yang masih belum diterokai oleh penyelidik terdahulu. Ini juga bertujuan memperkukuh asas teori dan hujahan dalam kajian yang dijalankan. Berdasarkan matlamat ini, beberapa kajian telah dianalisis secara kritikal bagi menyokong landasan penyelidikan ini.

Kajian awal oleh Denise A. Hines & Emily M. Douglas (2010) yang bertajuk *Intimate Terrorism by Women Towards Men: Does it Exist?* memperkenalkan konsep 'intimate terrorism' (IT), iaitu satu bentuk penderaan sistematik yang dilakukan oleh wanita terhadap pasangan lelaki. Berdasarkan data empirik, dapatan menunjukkan bahawa penderaan emosi dan kawalan psikologi berlaku secara konsisten dan berulang. Walaupun terdapat reaksi balas daripada mangsa lelaki, tindakan tersebut lebih bersifat mempertahankan diri. Kajian ini membuka ruang baharu dalam wacana akademik bahawa lelaki juga tidak terkecuali daripada menjadi mangsa penderaan rumah tangga.

Dalam konteks Malaysia, kajian oleh Nadiah Mohamed Daud et al. (2021) melalui artikel bertajuk "Keganasan Rumah Tangga di Malaysia: Satu Analisis Literatur" menekankan bahawa lelaki juga boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga, khususnya dalam bentuk penderaan emosi. Kajian ini mengupas pelbagai bentuk keganasan, faktor penyumbang serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaian yang sesuai. Lelaki yang menjadi mangsa turut mengalami kesan serius seperti trauma emosi, kemurungan, hilang keyakinan diri dan kecederaan fizikal, selain kesan negatif terhadap perkembangan psikologi anak-anak.

Dari sudut halangan mendapatkan bantuan, (Julie C. Taylor et al., 2021) yang bertajuk *Barriers to Men's Help Seeking for Intimate Partner Violence* mendapati bahawa lelaki berhadapan dengan cabaran besar seperti rasa malu, ketakutan untuk dipercayai, serta kebimbangan terhadap kehilangan reputasi dan hak penjagaan anak. Lebih membimbangkan, sesetengah responden lelaki yang mendapatkan bantuan menerima reaksi negatif seperti dituduh sebagai pelaku atau disisihkan oleh sistem sokongan. Dapatan ini mendedahkan ketidakseimbangan dalam sistem bantuan sedia ada yang cenderung berpihak kepada naratif konvensional.

Penemuan ini disokong oleh (Benjamin Hine et al., 2022) yang bertajuk "*I Have Guys Call Me and Say 'I Can't Be the Victim of Domestic Abuse'*": *Exploring the Experiences of Telephone Support Providers for Male Victims of Domestic Violence and Abuse* turut melaporkan bahawa lelaki sukar mengakui diri sebagai mangsa kerana tekanan stereotaip sosial yang mengaitkan lelaki dengan kekuatan fizikal dan emosional. Kajian ini menegaskan bahawa lelaki berhadapan dengan stigma masyarakat, kekurangan pusat sokongan yang inklusif, dan penyelia perkhidmatan yang kurang terlatih dalam menangani kes penderaan terhadap lelaki. Justeru, kajian ini menyeru kepada keperluan mewujudkan sistem bantuan yang lebih peka, inklusif dan responsif terhadap keperluan sebenar mangsa lelaki.

Kajian oleh Gloria Macassa et al. (2025) yang bertajuk *Men's Experiences of Psychological and Other Forms of Abuse in Intimate Relationships: A Qualitative Study* kajian ini dijalankan di Sweden mengupas pengalaman lelaki sebagai mangsa penderaan psikologi dalam hubungan intim menerusi temu bual kualitatif dengan 11 orang responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk penderaan yang dialami meliputi pengawalan emosi, isolasi sosial, penghinaan berterusan dan manipulasi psikologi. Responden melaporkan impak serius terhadap kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan, pemikiran bunuh diri serta kecenderungan kepada penyalahgunaan bahan seperti alkohol. Kajian ini turut menekankan bahawa rasa malu, stigma sosial dan takut tidak dipercayai menjadi penghalang utama lelaki mendapatkan bantuan. Penemuan ini mengukuhkan dapatan terdahulu seperti oleh Julie C. Taylor et al. (2021) dan Benjamin Hine et al. (2022) yang menyatakan bahawa sistem bantuan masih belum inklusif gender dan

sering meminggirkan mangsa lelaki terutamanya apabila penderaan yang dialami bersifat emosi dan tidak melibatkan kecederaan fizikal yang jelas.

Seterusnya, Nur Faezah Musthapar & Bahiyah Ahmad (2022) dalam kajian bertajuk “Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia” memberi tumpuan kepada kekuatan institusi keluarga dari perspektif nilai Islam. Kajian menegaskan bahawa pasangan yang mengamalkan prinsip sakinah, mawaddah dan rahmah lebih cenderung menyelesaikan konflik rumah tangga secara bijaksana dan selari dengan nilai-nilai syariah. Dimensi spiritual dilihat sebagai pelindung penting dalam menangani tekanan dan ketegangan dalam perkahwinan.

Kajian terkini oleh Anat Ben-Porat et al. (2024) yang bertajuk *The perspectives of intimate partner violence service providers regarding men as clients: between ‘gender’ and ‘gender-inclusive’* menjalankan kajian yang meneliti persepsi penyedia perkhidmatan keganasan rumah tangga terhadap lelaki sebagai klien. Kajian ini menyorot pengalaman lelaki sebagai mangsa penderaan emosi dan kawalan psikologi oleh pasangan wanita, termasuk bentuk penghinaan berulang, isolasi sosial, serta manipulasi emosi yang sejajar dengan konsep coercive control. Kajian ini mendapati bahawa walaupun terdapat pengakuan bahawa lelaki boleh menjadi mangsa, penyedia perkhidmatan masih terpengaruh dengan stereotaip jantina yang melihat lelaki sebagai pelaku. Tiga tema utama yang dikenal pasti ialah: (i) keperluan perubahan pendekatan terhadap lelaki sebagai mangsa, (ii) kebiasaan pendekatan konvensional yang memandang lelaki sebagai pelaku keganasan, dan (iii) kekeliruan dalam menentukan identiti sebenar klien dalam sistem bantuan. Dapatan ini memberi gambaran jelas bahawa sistem perkhidmatan masih belum bersifat inklusif jantina dan kurang responsif terhadap bentuk penderaan bukan fizikal yang dialami oleh lelaki.

Secara keseluruhan, dapatan daripada pelbagai kajian ini menunjukkan bahawa penyelidikan terdahulu lebih banyak memfokuskan kepada bentuk penderaan dan strategi penyelesaian secara umum. Namun, kajian yang meneliti secara spesifik faktor dalaman yang menyebabkan suami memilih untuk bertahan dalam perkahwinan meskipun berhadapan dengan penderaan emosi masih sangat terbatas. Oleh itu, kajian ini diusahakan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan matlamat menyumbang kepada pemahaman yang lebih holistik dan seimbang terhadap isu penderaan emosi dalam institusi kekeluargaan.

## **Metodologi**

Dalam setiap kajian penyelidikan, perkara utama yang perlu dijelaskan dalam metodologi adalah jenis reka bentuk kajian, cara data dikumpul, serta pendekatan yang digunakan untuk menganalisis data tersebut. (Zulkifli Hussin & Nurain Ab Hamid, 2022).

Menurut Ang Kean Hua (2016) perancangan metodologi kajian yang ingin digunakan kualitatif dan kuantitatif dalam kajian dapat melancarkan perjalanan kajian yang ingin dihasilkan. Oleh itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif dengan pengumpulan data melalui temu bual berstruktur dan analisis dokumen bagi mencapai objektif yang digariskan dalam penyelidikan. Menurut Ahmad Sunawari Long (2015) temu bual berstruktur ialah temu bual secara terkawal berdasarkan soalan-soalan yang dibina oleh pengkaji dan sebagai moderator sebagai membimbing informan dalam memberi jawapan. Dalam kajian ini, seramai 10 informan yang terdiri daripada para suami ditemu bual menggunakan platform *Facebook Messenger*, *WhatsApp Messenger*, dan *TikTok Messenger*.

Kaedah pengumpulan data melalui analisis dokumen membolehkan kajian ini meneliti secara terperinci setiap maklumat yang berkaitan penderaan emosi. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai faktor-faktor yang menyebabkan suami bertahan dalam institusi rumah tangga. Antara sumber data analisis dokumen yang digunakan dalam kajian ini termasuklah buku, jurnal, keratan akhbar dan lain-lain yang berkaitan.

Seterusnya, analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Pendekatan ini dianggap sesuai dan berkesan kerana membolehkan penyelidik memperoleh kefahaman mendalam terhadap pandangan dan pengalaman informan. (Michelle E. Kiger & Lara Varpio, 2020; Nurul Adilah Hidzhir & Zul-kifli Hussin, 2025). Kaedah ini melibatkan proses mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola yang didapati berulang dalam data yang diperolehi. Hal ini demikian, bukan sahaja menggambarkan isi kandungan data, malah turut melibatkan proses pembinaan tema berdasarkan maklumat yang dikumpulkan. Proses penyaringan maklumat telah dilakukan bagi menghasilkan maklumat yang tepat. Melalui pendekatan ini, tema-tema utama yang berkaitan dengan faktor-faktor yang menyebabkan suami bertahan dalam perkahwinan walaupun berlaku penderaan emosi daripada isteri dapat dikenal pasti dan dianalisis secara sistematik.

### Hasil Kajian

Dapatan kajian menunjukkan kesemua informan bersetuju bahawa mereka mengalami penderaan emosi akibat pelbagai ragam dan tingkah laku isteri. Keadaan ini telah menyebabkan para suami berdepan dengan tekanan emosi yang serius, termasuk kesedihan yang mendalam, kurang keyakinan diri, serta ketakutan untuk bersuara kerana bimbang akan memburukkan lagi keadaan rumah tangga. Meskipun konflik sering dikaitkan dengan kesalahan atau kekurangan isteri, kajian ini membuktikan bahawa suami juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa penderaan emosi. Terdapat ramai yang tetap memilih untuk bertahan dalam perkahwinan atas pelbagai alasan yang tersendiri. Seramai 10 orang informan yang terdiri daripada suami telah ditemu bual dalam kajian ini. Hasil temu bual menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan para suami tetap memilih untuk meneruskan kehidupan berumah tangga walaupun menghadapi penderaan emosi. Oleh hal demikian, empat tema utama dapat disimpulkan daripada hasil temu bual terhadap para suami.

Jadual 1.1 : Profil informan

IN	Transkrip	Tempoh	Tema
		Perkahwinan	
IN1	Bertahan kerana yakin kesusahan hanya sementara, Allah ada sinar. Kena terus jalankan amanah. Fokus cari nafkah,	≥5 tahun insya-	Berpemikiran jauh
IN2	bukan emosi. kalau bercerai dan berkahwinan semula perlu	≥ 5 tahun	Tanggungjawab terhadap Islam
IN3	keluarkan duit banyak pula.	≥ 5 tahun	Berpemikiran jauh
IN4	Semuanya kerana anak bertahan.	≥ 5 tahun	Tanggungjawab terhadap anak
IN5	Lelaki dikurniakan sikap sabar & berfikiran luas.	≥ 5 tahun	Berpemikiran jauh
IN6	Masih sayang.	≥ 5 tahun	Kasih sayang yang masih wujud
IN7	Sebab fikirkan masa hadapan anak-anak	≥ 5 tahun	Tanggungjawab terhadap anak
IN8	Wujud kasih sayang.	≥ 5 tahun	Kasih sayang yang masih wujud
IN9	Enggan mula hidup baru, kesan kepada anak-anak	≥ 5 tahun	Tanggungjawab terhadap anak

dan tuntutan mahkamah.

IN10 Tanggungjawab dan amanah sebagai suami.  $\geq 5$  tahun Tanggungjawab terhadap Islam

Sumber : Olahan temu bual bersama informan

Jadual 1.2 : berikut adalah lampiran empat tema:

No.	Tema
1	Tanggungjawab terhadap anak
2	Tanggungjawab Islam yang baik
3	Berpemikiran jauh
4	Kasih-sayang yang masih wujud

### Perbincangan

Menurut Jasmi & Kamarul Azmi (2021) perbincangan kajian ialah mencari perbezaan dan persamaan di antara teori yang sedia ada dan teori yang baru. Teori yang baru perlulah diketengahkan agar dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada bidang yang kajian untuk dibincangkan. Perbincangan juga perlulah jelas dan tersusun dengan meletakkan pola menarik pembaca terhadap kajian yang dihasilkan. Sokongan sosial berperanan besar dalam membantu suami menghadapi tekanan emosi dalam rumah tangga, termasuk ketika berdepan dengan penderaan emosi daripada isteri. Melalui sokongan sosial, pihak suami dapat berasa diperhatikan dan dihargai sekali gus, meningkatkan keyakinan diri serta mengurangkan beban emosi yang dialami.

### Defenisi Istilah

Penderaan emosi merujuk kepada sebarang bentuk perlakuan yang bertujuan untuk mengawal, menyakiti perasaan, merendahkan harga diri serta memanipulasi individu secara psikologi secara berterusan dan melampaui batas, Tidak seperti penderaan fizikal. Penderaan emosi tidak meninggalkan kesan yang dapat dilihat secara zahir kerana penderaan jenis ini melibatkan elemen dalaman seperti emosi dan mental. Oleh itu, bentuk penderaan jenis ini sukar dibuktikan tanpa pemahaman mendalam daripada individu yang mengalaminya serta pengesahan dan daripada kaunselor yang berpengalaman dalam bidang kesihatan mental. Hal ini ramai yang tidak menyedari kerana kurang dibincangkan dengan lebih kompleks dan realiti masyarakat cenderung melihat suami sebagai pihak yang kuat dalam sesebuah hubungan. Hakikatnya ada suami yang mengalami tekanan emosi akibat tingkah laku isteri tetapi suami memilih mempertahankan rumah tangga dengan pelbagai alasan yang tersendiri.

#### 1. *Tanggungjawab terhadap Anak*

Keinginan memiliki zuriat ialah fitrah kurniaan Allah SWT. Anak menjadi penyeri dan pengikat kasih sayang antara suami dan isteri. Justeru, anak bukan sekadar pelengkap institusi kekeluargaan, malah membawa amanah dan tanggungjawab yang besar kepada ibu bapa, khususnya seorang bapa. Sebagai contoh, IN4, IN8 dan IN10 menyatakan:

“Semuanya sebab ada anak-anak yang membuatkan saya bertahan...”

“Sebab fikirkan masa hadapan anak-anak...”

“Enggan mula hidup baru, kesan kepada anak-anak dan tuntutan mahkamah...”

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kehadiran anak-anak menjadi sumber kekuatan emosi dan dorongan utama bagi para suami untuk kekal dalam rumah tangga. Sebahagian daripada mereka menyedari bahawa jika berlaku perceraian, hak penjagaan anak lazimnya diberikan kepada isteri oleh Mahkamah Syariah, terutama bagi anak-anak yang masih kecil. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan, kebajikan dan kestabilan emosi anak jika dijaga oleh pihak yang dilihat tidak stabil secara emosi atau tingkah laku.

Oleh itu, ketakutan akan kehilangan hak penjagaan menjadi faktor signifikan yang menyebabkan suami sanggup bertahan meskipun perlu menanggung penderaan emosi. Hal ini turut disokong oleh dapatan Julie C. Taylor et al. (2021) yang menunjukkan bahawa lelaki sering berdepan kesukaran mendapatkan bantuan kerana bimbang kehilangan hak penjagaan anak.

Hasil penemuan lain menurut Maryam Jameelah S., & Zul-kifli H. (2024) mendapati bahawa salah satu faktor utama yang menyukarkan bapa untuk meninggalkan rumah tangga adalah kehadiran anak. Bapa sedar bahawa perceraian boleh menimbulkan pelbagai kesan negatif terhadap anak, seperti tekanan emosi, perubahan tingkah laku, sikap memberontak, kehilangan kasih sayang, dan kekurangan sokongan kewangan. Kesedaran ini menjadikan anak sebagai faktor pengekalan utama, yang mendorong bapa untuk terus bertahan dalam rumah tangga walaupun menghadapi penderaan emosi.

Pendekatan ini mencerminkan rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap institusi keluarga walaupun dalam situasi yang mencabar. Perkara ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Furqan ayat 74:

“Dan orang-orang yang berkata: ‘Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami pasangan-pasangan kami dan zuriat keturunan kami sebagai penyejuk mata (kami), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.’”

Pandangan para informan ini turut seiring dengan tafsiran Sayyid Qutb (2004) yang menyatakan bahawa anak-anak ialah individu terdekat di bawah tanggungjawab ibu bapa dan merupakan amanah yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Maka, perasaan ingin bertahan demi anak bukan sekadar pilihan emosi, tetapi lahir daripada kefahaman tentang amanah dan tanggungjawab syarie.

Penemuan ini juga selari dengan pandangan Mustafa Daud (1991) yang menyatakan bahawa ketiadaan anak boleh menyebabkan kehidupan rumah tangga menjadi suram. Dalam konteks ini, para informan meletakkan kepentingan anak sebagai keutamaan, bahkan sanggup mengetepikan perasaan sendiri demi memastikan anak-anak membesar dalam keluarga yang lengkap. Tindakan tersebut memperlihatkan sifat pengorbanan seorang bapa dalam memastikan kestabilan emosi dan perkembangan anak-anak tidak terganggu. Rizky Firmansyah et al. (2024) turut menegaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan emosi dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Perkara ini disokong oleh (Hasri Haruna & Hasliza Mohamad Ali, 2021) yang menekankan bahawa bapa berperanan besar dalam membimbing keluarga agar kekal di atas landasan syariat.

## ***2. Mempunyai tanggungjawab Islam yang baik***

Faktor seterusnya, adalah tanggungjawab Islam yang baik. Dalam agama Islam, hanya orang mempunyai kefahaman tentang Islam dan menguasainya secara keseluruhannya dengan baik dan amal yang dipelajari sahaja yang mempunyai hikmah dalam mencorak kehidupan. Menurut Nor Dalilah Zakaria et al., (2023) rasa tanggungjawab akan berlaku bila suami atau isteri menyedari kesan apabila tanggungjawab itu

diabaikan. Namun begitu, tanggungjawab biasanya akan dikaitkan dengan tugas seorang pemimpin Siti Halimah Putung & Raihanah Azahari (2020) menegaskan kefahaman konsep kepimpinan yang tepat mampu menperkukuh institusi kekeluargaan, sekali gus menyumbang kepada kebahagiaan dan ketahanan diri suami sebagai ketua keluarga. Sebagai contoh, menurut IN2 dan IN10

“Kena terus jalankan amanah. Fokus cari nafkah, bukan emosi”

"Tanggungjawab & amanah sebagai suami”

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh IN5 dan IN20, jelas menunjukkan bahawa individu tersebut memegang teguh prinsip tanggungjawab sebagai seorang suami Muslim walaupun berdepan tekanan emosi dalam rumah tangga. Beliau menekankan keutamaan melaksanakan amanah yang diberikan oleh Allah SWT termasuklah menyediakan nafkah dan perlindungan kepada keluarga. Kepentingan peranan sebagai ketua keluarga lebih diutamakan berbanding kepentingan emosi peribadi. Hal ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab agama sebagai landasan dalam membuat keputusan. Kesanggupan untuk terus bertahan mencerminkan ketabahan dan keimanan dalam menghadapi ujian perkahwinan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa', ayat 34:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang wanita, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.”

Ayat ini menegaskan lelaki dikurniakan keistimewaan tersendiri seperti kekuatan fizikal, ketegasan, serta kecenderungan menggunakan akal dan pertimbangan sebelum bertindak. Sifat ini menjadikannya lebih sesuai memikul tanggungjawab kepemimpinan, termasuk melindungi keluarga, memberi nafkah, dan mengurus harta. Keupayaan ini juga membolehkan lelaki mengatur kehidupan keluarga dengan lebih teratur dan berkesan.. (Sayyid Qutb, 2001).

Apa yang boleh disimpulkan, pihak suami yang mempunyai kefahaman mendalam terhadap agama ajaran Islam dapat mendorong mereka untuk terus bertahan dalam perkahwinan walaupun menghadapi tekanan. Suami yang bertanggungjawab akan meletakkan amanah Allah sebagai keutamaan berbanding emosi peribadi. Tanggungjawab melindungi keluarga dilihat sebagai satu bentuk ibadah. Islam juga mengajar pendekatan berperingkat dalam menangani konflik rumah tangga secara hikmah. Kesedaran terhadap akibat mengabaikan tanggungjawab mendorong pasangan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan. Oleh itu, keteguhan iman dan rasa reda menjadi asas penting dalam mempertahankan rumah tangga.

### ***3. Berpemikiran jauh***

Kemahiran berfikir dianggap sebagai satu anugerah semula jadi yang dikurniakan oleh Allah. Individu dalam masyarakat yang memiliki kemahiran ini biasanya berfikiran terbuka dan akan memandang sesuatu isu dengan mendalam sebelum membuat keputusan. Kemahiran berfikir sangat penting untuk membentuk keperibadian yang baik serta menjamin kesejahteraan hidup seseorang. Keupayaan untuk menganalisis pemikiran akibat daripada setiap tindakan juga dapat mengelakkan individu daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan norma budaya dan ajaran agama (Kamarudin Salleh, 2012). Terdapat dua jenis cara berfikir dalam kalangan manusia, iaitu pemikiran kritis dan pemikiran kreatif. Pemikiran kreatif merujuk kepada keupayaan seseorang mencetuskan idea baharu yang memberi manfaat serta tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Sebaliknya, pemikiran kritis berasal daripada gabungan istilah pemikiran yang bermaksud proses berfikir seperti membuat anggapan, pendapat atau perkiraan, dan kritis yang bermaksud membuat pertimbangan atau penilaian. Kedua-dua bentuk pemikiran ini amat penting dalam membantu menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, kreativiti juga diakui sebagai satu elemen penting oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk pemimpin, usahawan, ahli akademik dan pakar psikologi,



khususnya dalam menghadapi cabaran dunia global yang semakin mencabar dan kompetitif (Anita Ismail et al., 2020).

Penemuan telah disokong oleh Asming Yalawae et al. (2011) berfikir kritis juga mampu mendorong kekeluargaan pada kehormonian. Sehubungan dengan itu, pihak suami yang bertahan memikirkan masa hadapan dalam perkahwinan bermaksud situasi ketika mempertahankan rumah tangga yang dibina bukan semata-mata kerana kebahagiaan yang diharapkan, tetapi kerana harapan yang tidak pernah putus atau impian jangka panjang yang sentiasa dipegang. Selain itu, suami juga lebih memikirkan masa hadapan daripada memuaskan nafsu amarah sendiri dan yang sudah lama mengalami kesusahan dalam membina rumah tangga tidak wajar menghancurkan rumah tangga mereka walaupun perkahwinan telah berlalu bertahun-tahun. Sesetengah suami juga masih berharap keadaan berubah menjadi lebih baik melalui perubahan sikap positif isteri, menurut informan IN3, IN6 dan IN1.

“Bertahan kerana yakin kesusahan hanya sementara, insya-Allah ada sinar”

“Lelaki dikurniakan sikap sabar & berfikiran luas”

“Kalau bercerai dan berkahwinan semula perlu keluarkan duit banyak pula...”

Berdasarkan kenyataan informan, keputusan untuk terus bertahan dalam perkahwinan dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap perubahan besar dalam kehidupan serta kesan implikasi proses mahkamah yang mungkin timbul. Perbuatan mempertimbangkan semua aspek ini menunjukkan penggunaan akal secara matang dan berhati-hati. Dalam hal ini, Al-Quran telah menekankan pentingnya akal dengan menyebut istilah berkaitan sebanyak 49 kali, dalam bentuk kata kerja sebagai panduan kepada manusia untuk berfikir secara positif dan berhemah dalam membuat keputusan (Alfaini Zulfa Nada, 2025). Ayat ini selari dengan Firman Allah SWT dalam Surah Yunus, ayat 100:

"Dan tidak ada seorang pun yang akan beriman kecuali dengan izin Allah. Dan Allah menimpakan azab kepada orang yang tidak menggunakan akalnya."

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah menciptakan manusia dengan kebolehan memilih antara hidayah dan kesesatan, bergantung kepada bagaimana mereka menggunakan akal, pancaindera dan daya fikir yang dikurniakan. Dalam konteks suami yang memilih untuk terus bertahan dalam perkahwinan walaupun mengalami penderaan emosi, tindakan ini menunjukkan penggunaan akal dan pertimbangan yang waras, bukannya keputusan yang dibuat secara melulu berasaskan emosi semata-mata (Sayyid Qutb, 2003).

Kajian ini menunjukkan bahawa golongan suami yang memikirkan masa hadapan secara rasional cenderung untuk tidak mengambil keputusan tergesa-gesa dalam hal perceraian. Hal ini menggambarkan kematangan para suami dalam membuat pertimbangan demi kepentingan jangka masa panjang keluarga. Manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, justeru tidak mustahil seorang isteri yang dahulunya bersikap negatif terhadap suami berpotensi untuk berubah ke arah yang lebih baik. Oleh itu, keputusan yang diambil dengan penuh pertimbangan dan bukan atas dorongan emosi semata-mata dapat membuka ruang kepada proses pemulihan hubungan. Pendekatan sebegini bukan sahaja boleh menyelamatkan institusi perkahwinan, malah memberi peluang kepada kedua-dua pihak memperbaiki diri demi kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.

#### ***4. Bertahan Kerana Sifat Sayang Masih Wujud Dalam Diri***

Kasih sayang menurut perspektif Islam adalah asas penting dalam membina hubungan sesama manusia. Ajaran Islam menggalakkan umatnya berinteraksi dengan baik, di mana sikap penyayang dan prihatin dapat menyumbang kepada keharmonian masyarakat. Penemuan ini selari dengan (Halimatus Sa'diyah & Ain Madura, 2021; Ngatmin Abbas et al., 2025) yang mengatakan kasih sayang juga merupakan elemen asas dalam hubungan suami isteri yang bukan sahaja mempengaruhi keharmonian rumah tangga, tetapi turut

memberi kesan kepada kesejahteraan emosi dan mental individu. Selain itu, mengajarkan suami untuk menghargai dan menghormati pasangan, serta mendorong mereka untuk tidak mudah menghakimi atau menyerah terhadap masalah yang dihadapi.

Kasih sayang juga merupakan elemen asas dalam hubungan suami isteri yang bukan sahaja mempengaruhi keharmonian rumah tangga, tetapi turut memberi kesan kepada kesejahteraan emosi dan mental individu. Selain itu, mengajarkan suami untuk menghargai dan menghormati pasangan, serta mendorong mereka untuk tidak mudah menghakimi atau menyerah terhadap masalah yang dihadapi (Halimatus Sa'diyah & Ain Madura, 2021; Ngatmin Abbas et al., 2025).

Dari sudut psikologi pula, kasih sayang dan empati yang wujud dalam diri suami membantu mereka lebih terbuka dalam menghadapi dan mengatasi masalah dalam rumah tangga (Zahra Yousefi et al., 2024) Suami yang berasa disokong oleh perasaan kasih sayang dan empati terhadap isteri lebih mudah mengungkapkan perasaan serta mencari penyelesaian bersama dalam menghadapi cabaran rumah tangga. Keupayaan berkomunikasi secara terbuka ini amat penting bagi mencegah tekanan emosi dan konflik yang boleh merosakkan hubungan. Dalam konteks agama, hadith (HR. Bukhari No.24 dan Muslim No.2318) yang menekankan kasih sayang dan empati mengajarkan untuk menjadi pembimbing yang baik dan sabar sekaligus menjaga kesejahteraan emosi. (Ngatmin Abbas et al., 2025; Sultani et al., 2023). Selain itu, Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh terbaik dalam menyebarkan kasih sayang terhadap isteri-isteri baginda. Sebagai contoh baginda memanggil isteri dengan panggilan lemah lembut, bergurau senda, memastikan keselamatan isteri dan berkongsi makanan dalam bekas yang sama. Walaupun baginda mempunyai isteri yang ramai, isteri-isteri tidak memceburui semasa sendiri kerana sifat adil dan kasih sayang baginda telah cukup untuk mereka merasakan dihargai (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, 2013).

Selain itu, salah satu hikmah perkahwinan adalah untuk mencapai sakīnah, mawaddah dan rahmah antara ahli keluarga (Nur Faezah Musthapar et al., 2020). Seterusnya, menurut Nurul Ain Mazran & Raihanah Azahari (2021), Allah juga menjadikan pasangan suami dan isteri sesuai dengan fitrah manusia dalam berkasih sayang dan belas kasihan sesama mereka. Oleh itu, kasih sayang juga berupaya menyuntik semangat dan motivasi kepada individu dalam melaksanakan tugas harian serta menjalani kehidupan dengan lebih positif (Tan Lee See et al., 2018). Menurut informan IN7 dan IN9

“masih sayang”

“Wujud kasih sayang”

Berdasarkan kenyataan informan IN7 dan IN9. Kewujudan rasa sayang yang masih kuat menjadi faktor utama suami memilih untuk terus bertahan dalam perkahwinan walaupun berdepan cabaran. Perasaan kasih sayang ini menjadi asas penting dalam menjaga keutuhan rumah tangga, selaras dengan hikmah perkahwinan yang ditetapkan dalam Islam. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum, ayat 21:

*“Dan antara tanda-tanda kebesaran-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu pasangan hidup daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu kasih sayang (mawaddah) dan rahmat.”*

Ayat ini selari dengan oleh (Ridwan et al., 2022) yang berpendapat keputusan suami untuk terus bertahan bukan hanya disebabkan rasa tanggungjawab, tetapi turut dipengaruhi oleh ketenangan dan harapan yang masih dirasai melalui kehadiran isterinya.

Daripada penemuan ini, dapat dilihat bahawa cinta dan kasih sayang yang masih utuh dalam diri seorang suami boleh menjadi faktor utama kekuatan dalam perkahwinan. Hal ini, membolehkan suami menolak segala kekurangan dan masalah demi mempertahankan rumah tangga. Bertahan kerana sayang adalah manifestasi kekuatan emosi, keimanan, dan tanggungjawab dalam mengekalkan institusi keluarga.

## Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang mendorong para suami untuk terus bertahan dalam perkahwinan walaupun berhadapan dengan penderaan emosi daripada isteri. Faktor-faktor tersebut merangkumi tanggungjawab terhadap anak, kefahaman terhadap tanggungjawab Islam, pemikiran yang jauh, dan kewujudan kasih sayang yang masih kuat dalam diri suami terhadap pasangan. Keempat-empat tema ini menunjukkan bahawa keputusan suami untuk bertahan bukan semata-mata kerana kelemahan untuk bertindak, sebaliknya lahir daripada nilai tanggungjawab, keimanan, dan pertimbangan moral yang tinggi. Para suami yang ditemu bual jelas menunjukkan ketahanan emosi yang luar biasa meskipun mengalami tekanan yang berpanjangan. Ini menunjukkan bahawa penderaan emosi terhadap lelaki perlu diberi perhatian serius setanding dengan penderaan terhadap wanita, kerana ia turut memberi kesan kepada kesejahteraan mental, psikologi dan kestabilan institusi kekeluargaan.

Kajian lanjutan wajar dilaksanakan bagi membolehkan isu kepekaan isteri terhadap suami yang menjadi mangsa penderaan emosi dibincangkan secara lebih mendalam. Topik ini masih jarang dibincangkan dan boleh membantu membuka perspektif baharu dalam kajian tentang keluarga. Dengan melihat dari sudut pandang suami, kefahaman yang lebih jelas tentang bagaimana penderaan emosi berlaku dalam rumah tangga dapat diperolehi. Kajian seperti ini juga penting untuk disesuaikan dengan perubahan sosial dan budaya masyarakat semasa. Selain itu, pendekatan ini dapat membantu pihak berkaitan menyediakan sokongan dan bantuan yang lebih adil kepada kedua-dua pihak suami dan isteri dalam menangani masalah penderaan dalam perkahwinan.

## Penghargaan

Syukur kepada Allah, dengan izin-Nya kajian ilmiah ini telah disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih kepada Dr Zul-kifli Hussin, selaku penyelia yang telah banyak membantu untuk menyiapkan kajian ini di atas tunjuk ajar nasihat dan sebagainya.

## Rujukan

- Ahmad Sunawari Long. (2015). *Buku metodologi penyelidikan pengajian islam*. UKM Press.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2013). *Hebatnya Rasulullah teladan peribadi dan pengurusan kekasih Allah* (2nd ed.). Karya Bestari.
- Alfaini Zulfa Nada. (2025). Obyek 'Akal Bagi Kehidupan Manusia: Prespektif Al-Qur'an. *Fathir: Jurnal Studi Islam, Achmad Khudori Soleh*(1), Article 1. <https://doi.org/10.71153/fathir.v2i1.183>
- Anat Ben-Porat, Dekel ,Rachel, & Ohad and Gilbar. (2024). The perspectives of intimate partner violence service providers regarding men as clients: Between 'gender' and 'gender-inclusive.' *European Journal of Social Work, 27*(2), 361–373. <https://doi.org/10.1080/13691457.2023.2200906>
- Ang Kean Hua. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Ysian Journal of Social Sciences and Humanities(MJSSH), 1*(2), 17–24.
- Anita Ismail, Farah Laili Muda @Ismail, Adibah Sulaiman, Mohd Azmir Mohd Nizah, Latifah Abdul Latiff, Mashitah Sulaiman, Siti Norbaya Mat Yaacob, & Hisham Mohammad Taky Eldin Kandil. (2020). Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah: Formation of Creative and Critical Thinking: Its Relationship in Problem Solving. *Sains Insani, 5*(1), Article 1. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.133>
- Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab Halim, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2011). Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin, 33*, 1–18.

- Benjamin Hine, Elizabeth A. Bates, & Sarah Wallace. (2022). “I Have Guys Call Me and Say ‘I Can’t Be the Victim of Domestic Abuse’”: Exploring the Experiences of Telephone Support Providers for Male Victims of Domestic Violence and Abuse. *Journal of Interpersonal Violence*, 37(7–8), NP5594–NP5625. <https://doi.org/10.1177/0886260520944551>
- Denise A. Hines & Emily M. Douglas. (2010). Intimate Terrorism by Women Towards Men: Does it Exist? *Journal of Aggression, Conflict and Peace Research*, 3(2), 36–56. <https://doi.org/10.5042/jacpr.2010.0335>
- Gloria Macassa, Frida Stal, Michelle Rydback, Joan Pliakas, Daniel Winsjansen, Anne-sofie Hiswals, & Joaquim Soares. (2025). Men’s Experiences of Psychological and Other Forms of Abuse in Intimate Relationships: A Qualitative Study. *Societies*, 15(1), Article 1. <https://doi.org/10.3390/soc15010017>
- Halimatus Sa’diyah & Ain Madura. (2021). Kekerasan dalam Pendidikan; Sejarah, Perkembangan dan Solusi. *ResearchGate*, 11(1), 70–86. <https://doi.org/10.54180/elbanat.2021.11.1.70-86>
- Hasri Haruna & Hasliza Mohamad Ali. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital. *2021-08-31, Vol. 8 No. 2*, 57–66.
- Jasmi & Kamarul Azmi. (2021). *Laporan Akhir Kajian Penyelidikan. Siri 9*. [https://www.researchgate.net/publication/356623497\\_Laporan\\_Akhir\\_Kajian\\_Penyelidikan\\_Siri\\_9](https://www.researchgate.net/publication/356623497_Laporan_Akhir_Kajian_Penyelidikan_Siri_9)
- Julie C. Taylor, Elizabeth A. Bates, Attilio Colosi, & Andrew J. Creer. (2021). Barriers to Men’s Help Seeking for Intimate Partner Violence. *Journal of Interpersonal Violence*, 37(19–20), NP18417–NP18444. <https://doi.org/10.1177/08862605211035870>
- Kamarudin Salleh. (2012). Transformasi Pemikiran Pembaharuan dan Modernisme di Malaysia: Satu Penelitian Awal. *International Journal of Islamic Thought*, 2, 23–37.
- Lidia Oktamarina, Fika Kurniati, Muratus Sholehah, Silpa Nurjanah, Sri Wahyuni Oktaria, Sukmawati, & Tantri Apriyani. (2022). Gangguan kecemasan (anxiety disorder) pada anak usia dini. *Jurnal Multidisipliner Bharasumba*, 2(1), 120–134.
- Michelle E. Kiger & Lara Varpio. (2020). Thematic Analysis of Qualitative Data. *Medical Teacher*, 42(8), 846–854. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2020.1755030>
- Mohammad Amir Wan Harun, Jasni Sulong, & Atikullah Abdullah. (2024). *Fiqh Perkahwinan dan Kekeluargaan Islam*. Penerbit USM.
- Muhammad Aminnuraliff Mohd Zoki. (2023). *Lelaki tidak terkecuali jadi mangsa keganasan rumah tangga*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/278734/berita/nasional/lelaki-tidakterkecuali-jadi-mangsa-keganasan-rumah-tangga>
- Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoub @ Ayub. (2018). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan—Irsyad Al-Hadith Siri Ke-267: Galakan Menikahi Wanita Yang Subur*. Irsyad Al-Hadith Siri Ke-267: Galakan Menikahi Wanita Yang Subur. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-alhadith/2415-irsyad-al-hadith-siri-ke-267-galakan-menikahi-wanita-yang-subur>
- Mustafa Hj Daud. (1991). *Perkahwinan menurut Islam*. Utusan Publications & Distributors. Maryam Jameelah S., & Zul-kifli H. (2024). *Perceraian dan kesannya terhadap anak-anak*. *Al-Takamul al-Ma’rifi*, 6(2)

- Nadiah Mohamed Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin, & Mohd Hafiz Jamaludin. (2021). Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur. *Journal of Shariah Law*, 6(2), Article 2.
- Ngatmin Abbas, Uzlifatul Jannah, Fitriana Sri Utami, Siti Marhamah, & Aisyah Anna Safitri. (2025). Konsep Kasih Sayang dan Empati dalam Hadits Nabi Muhammad Perspektif Pendidikan Islam. *Islamic Education*, 5(1), Article 1. <https://doi.org/10.57251/ie.v5i1.1539>
- Nor Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari, & Bahiyah Ahmad. (2023). Elemen Kebertanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. *2023-12-30*, 20(2), 165–210.
- Nur Faezah Musthapar & Bahiyah Ahmad. (2022). Isu-isu Perhubungan Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Literatur [Husband-Wife Relationship Issues in Muslim Families in Malaysia: A Literature Analysis]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 5(1), Article 1.
- Nur Faezah Musthapar, Raihanah Hj Azahari, & Bahiyah Ahmad. (2020). Sakīnah, Mawaddah Dan Raḥmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*, 28(1), 81–104. <https://doi.org/10.22452/js.vol28no1.4>
- Nurul Adilah Hidzahir & Zul-kifli Hussin. (2025). Faktor-Faktor yang Mendorong Isteri Melakukan Hibah Kepada Suami. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 11(1), 1–12.
- Nurul Ain Hazram & Raihanah Azahari. (2021). Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid alShariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 32–42.
- Ridwan, Ridha Romdiyani, Arfi Hilmiati, & Muhammad Husni Abdulah Pakarti. (2022). Surat Ar-Ruum Ayat 21 Petunjuk Tuhan Untuk Menjalankan Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Keluarga. *Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 3(2), 143–160.
- Rizky Firmansyah, Fatimah Azzahra, & Rasmuin Rasmuin. (2024). Parents Day Program at Islamic Elementary School. *Indonesian Journal of Islamic Education Studies*, 7(2), 223–252. <https://doi.org/10.33367/ijies.v7i2.6186>
- Sayyid Qutb. (2001). *Terjemah Tafsir Fi Zhilalil Quran—Terjemah Kitab Kuning* (2nd ed.). Gema Insani Press. <https://www.alkhoirot.org/2024/07/terjemah-tafsir-fi-zhilalil-quran.html>
- Sayyid Qutb. (2003). *Kitab tafsir fi zilalil quran* (8th ed.). Gema Insani Press. <https://www.alkhoirot.org/2024/07/terjemah-tafsir-fi-zhilalil-quran.html>
- Siti Halimah Putung & Raihanah Azahari. (2020). Kepemimpinan Suami Dalam Perspektif Islam: Fungsi Dalam Memperkukuhkan Institusi Keluarga. *Jurnal Syariah*, 28(2), Article 2. <https://doi.org/10.22452/js.vol28no2.1>
- Sultani, Alfitri, & NoorHaidi. (2023). Teori Belajar Humanistik Dan Penerapannya Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *ResearchGate*, 7(1), 177–193. <https://doi.org/10.30821/ansiru.v7i1.16108>
- Suriyakhatus. (2019). *Sihat Bukan Sekadar Ubat*. Puteh Press.
- Tan Lee See, Sa'odah Ahmad, & Zanariah Ismail. (2018). Perkaitan Antara Gaya Bercinta dengan Kepuasan Perkahwinan dalam Kalangan Orang Islam di Selangor. *Journal of Social Science*, 4, 22–31.
- Zahra Yousefi, Nadereh Saadati, & Mohsen Golparva. (2024). The Impact of Emotional Intelligence and Resilience on Family Cohesion: Insights from Married Individuals. *ResearchGate*, 2(1), 16–22. <https://doi.org/10.61838/kman.jpffc.2.1.4>

- Zanariah Dimon. (2019). Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia: Emotional Darar Towards Wife in Marriage from Malaysian Law Perspective. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), Article 1.
- Zul-kifli Hussin & Nurain Ab Hamid. (2022). Gerakan Ateis Dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(1), 16–28.